

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Sunday, September 24, 2017 2:05 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: ILC 2017 Ketengah Isu Undang-Undang, Keadilan Dan Integriti



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



24 SEPTEMBER 2017 / 03 MUHARAM 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon
Gambar oleh: Hairul Nizam Zahari

ILC 2017 KETENGGAH ISU UNDANG-UNDANG, KEADILAN DAN INTEGRITI



UUM ONLINE: Bagi meningkatkan lagi peranan ahli akademik, penyelidik dan pengamal undang-undang dalam merencanakan masa depan sistem undang-undang untuk memenuhi keperluan masyarakat moden, Pusat Pengajian Undang-Undang (SoL) Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menganjurkan The 9th UUM International Legal Conference (ILC) 2017 bermula 23 hingga 24 September di EDC Hotels and Resorts.

Bertemakan "Law, Justice and Integrity," persidangan ini menggambarkan kepentingan elemen undang-undang, keadilan dan integriti sebagai perkara yang perlu kepada ahli teori dan pengamal undang-undang untuk berinovasi dan beradaptasi dengan sempadan undang-undang baharu yang muncul di dunia tanpa sempadan hari ini.

Perasmian ILC 2017 telah disempurnakan Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak.

Naib Canselor berkata ILC menyediakan platform untuk para intelektual dari pelbagai bidang dan disiplin undang-undang untuk berdebat dan mencari penyelesaian kepada isu undang-undang yang bukan sahaja relevan kepada masyarakat Malaysia malah masyarakat antarabangsa.

"ILC diteruskan susulan kejayaan 8 persidangan sebelum ini, justeru saya berharap ILC 2017 akan menjadi satu lagi persidangan yang berjaya dan pertukaran idea sesama peserta akan menjana lebih

banyak idea yang dapat memberi manfaat kepada bidang undang-undang," ujarnya.

Pada persidangan itu sebanyak 117 kertas kerja dibentangkan dalam lima sesi selari membabitkan kira-kira 97 peserta daripada enam buah negara iaitu Malaysia, Indonesia, Thailand, Nigeria, Iran dan Iraq.

Sementara itu ucap utama persidangan bertajuk "Integrity And Governance In Organisation – Issues and Challenges: The Malaysian Experiences" disampaikan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Integriti Malaysia, Datuk Dr Anis Yusal Yusoff.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.